



*Memo*

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Semua Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 02 Disember 2021

**KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA  
BILANGAN 20 TAHUN 2021**

**HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PADA  
3 DISEMBER 2021 (JUMAAT)**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju untuk Hari Kelepasan Am Tambahan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan berikutan kejayaan pasukan Kuala Lumpur City FC telah menjuarai Final TM Piala Malaysia 2021. Pengisytiharan Hari Kelepasan Am Tambahan tersebut dibuat selaras dengan subseksyen 9(2) Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369) bagi Wilayah Persekutuan.

3. Sehubungan dengan itu, semua warga Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan akan diberikan hari kelepasan am tambahan pada 3 Disember 2021 (Jumaat) selaras dengan pengumuman tersebut.

4. Hari kelepasan am tambahan ini tidak terpakai kepada warga LGM yang berkhidmat di lain-lain kawasan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”**

(IRWAN HARIS BIN ZAINAL ABIDIN)

s.k Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar & Operasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian



PEJABAT MENTERI  
WILAYAH PERSEKUTUAN  
Aras 4, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**


### **HARI KELEPASAN AM TAMBAHAN BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN PADA JUMAAT, 3 DISEMBER 2021 SEMPENA KEJUARAAN PASUKAN BOLA SEPAK KUALA LUMPUR CITY FC MENJUARAI TM PIALA MALAYSIA 2021**

PUTRAJAYA, 1 DISEMBER 2021 – Semalam, pasukan Kuala Lumpur City FC (KL City FC) telah menjuarai Final TM Piala Malaysia 2021 di Stadium Nasional Bukit Jalil.

Kemenangan semalam adalah pencapaian yang terbaik buat KL City FC setelah 32 tahun penantian untuk menjuarai Piala Malaysia yang mana kali terakhir kemenangan pada tahun 1989.

Justeru adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah bersetuju supaya hari Jumaat, 3 Disember 2021 diisytiharkan sebagai Hari Kelepasan Am Tambahan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sempena kejuaraan pasukan KL City FC.

Pengisytiharan Hari Kelepasan Am Tambahan ini dibuat selaras dengan subseksyen 9(2) Akta Hari Kelepasan Am 1951 [Akta 369] bagi Wilayah Persekutuan

  
**DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
Menteri Wilayah Persekutuan

1 Disember 2021